

SOALAN NO: 41

dalam peringkat pelaksanaan dijangka siap pada suku pertama 2018. Bagi menambahbaik kelajuan jalur lebar mudah alih sedia ada, pihak Kerajaan bersama syarikat penyedia perkhidmatan sedang giat melaksanakan usaha-usaha penaiktarafan kepada liputan perkhidmatan 4G yang meyumbang kepada kualiti dan kelajuan perkhidmatan yang lebih baik. Pada ketika ini, kadar liputan 4G di Sandakan berada di tahap 98% dan kadar ini akan terus meningkat seiring dengan usaha-usaha penaiktarafan yang sedang dijalankan.

Bagi perkhidmatan jalur lebar talian tetap pula, pihak Kerajaan turut menaiktaraf ibusawat di Sandakan melalui projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi Fasa 2 (HSBB2) yang mampu menyediakan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi sehingga 100 Mbps.

Kesemua inisiatif ini dijangka berupaya meningkatkan kualiti dan kelajuan perkhidmatan jalur lebar di kebanyakan kawasan Sandakan.

83

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG
TARIKH : 21.11.2017
SOALAN : NO. 42

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan laporan tentang isu penyeludupan manusia melalui sindiket visa pelajar seperti yang dilaporkan oleh portal R.AGE.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mengadakan sesi pertemuan bersama wartawan portal R.AGE dan memberikan maklum balas berkaitan isu yang dilaporkan oleh akhbar *The Star* mengenai isu *human trafficking* atau penyeludupan manusia yang didakwa berlaku di negara ini melibatkan beberapa institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS).

Isu ini turut disiasat dan diambil tindakan secara bersepadu oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan agensi-agensi di bawahnya seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM) serta Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) yang bertanggungjawab tentang aspek keselamatan termasuk berkaitan isu pemerdagangan manusia. KPT sentiasa berkongsi maklumat bersama agensi-agensi terbabit dan mengambil tindakan sekiranya terbukti terdapat IPTS yang melanggar mana-mana peruntukan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555). IPTS di negara ini

adalah tertakluk di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan 2017) bagi tujuan pengawalseliaan pengoperasian IPTS.

KPT ingin menegaskan bahawa kerajaan sentiasa mengambil langkah sewajarnya supaya pendidikan tinggi yang ditawarkan di IPTS adalah berkualiti dan memastikan IPT bebas daripada sebarang anasir negatif.